

Rampasan tiga kampung di kawasan Nunukan Malaysia nafi serah 5,207 hektar tanah kepada Indonesia

Permatang Pauh: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menafikan Malaysia menyerahkan 5,207 hektar tanah kepada Indonesia sebagai pampasan bagi tiga kampung di kawasan Nunukan berhampiran sempadan Sabah-Kalimantan.

Beliau berkata, kerajaan akan mengadakan rundingan secara baik dalam mencari penyelesaian berhubung isu tiga kampung yang dilaporkan termasuk dalam wilayah Malaysia susulan peralihan garisan sempadan antara kedua-dua negara.

"Ini tidak betul (penyerahan tanah). Tetapi kita akan berunding secara baik," katanya ringkas ketika ditemui pada Karnival Kebudayaan MADANI dan Kenduri Rakyat 2026, di sini semalam.

Sebelum ini, media melaporkan tiga kampung di Kabupaten

Nunukan, Kalimantan Utara, dikatakan kini termasuk dalam wilayah Malaysia susulan peralihan garisan sempadan antara Malaysia dan Indonesia.

Tiga kampung itu ialah Kampung Kabulangor, Kampung Lepaga dan Kampung Tetagas yang terletak berdekatan sempadan Tawau, Malaysia.

Perkara itu dimaklumkan Setiausaha Badan Nasional Pengurusan Sempadan Indonesia (BNPP), Komjen Polis Makhruzi Rahman, pada mesyuarat bersama Suruhanjaya II Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Indonesia di Kompleks Parlimen, Senayan, Rabu lalu.

Makhruzi dilaporkan berkata, perubahan itu berkait penyelesaian beberapa *Outstanding Boundary Problem* (OBP) atau isu sempadan yang sebelum ini belum dimuktamadkan anta-

ra Indonesia dengan Malaysia, khususnya membabitkan Pulau Sebatik yang terbahagi kepada dua pentadbiran negara.

Beliau berkata, tiga OBP dipersetujui secara rasmi melalui pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) pada Mesyuarat Bersama Indonesia-Malaysia Ke-45 yang berlangsung di Pulau Sebatik pada 18 Februari 2025.

Ketika merasmikan Galeri Arkeologi Guar Kepah, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berusaha dan serius mencari ikhtiar bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat ke arah yang lebih baik Walaupun mengakui hasilnya bukan sentiasa sempurna.

Beliau menegaskan, kekuatan ekonomi negara bukan bertujuan membuatkan segelintir pemimpin menjadi kaya atau sekadar mempamerkan projek

mega, sebaliknya bagi menjamin kebajikan rakyat secara menyeluruh.

"Sebab itu saya bagi tahu menteri masih hadapi potongan gaji 20 peratus untuk memberi contoh bahawa tidak semua orang harus mengejar jawatan untuk mengkayakan diri dan keluarga.

"Kita cuba lakukan sedaya upaya, kita perbaiki kita takkan sempurna, tetapi kita cuba selesaikan masalah. Dunia mengiktiraf kita, kerana mereka tengok betapa seriusnya kita.

"Bayangkan mana negara yang boleh bantu rakyat miskin seperti apa yang kita lakukan dengan sasaran menoktahkan kemiskinan tegar. (Setakat) minggu lalu ada beberapa lagi yang tinggal," katanya.

Anwar dalam pada itu menegaskan sikap yang cenderung me-

nyalahkan kerajaan berhubung apa sahaja masalah berkaitan rakyat mengambil contoh kononnya seorang penduduk di Kepala Batas yang 'terputus' bekalan beras seperti dibangkitkan seorang Ahli Parlimen baru-baru ini.

"Saya dengar di sini (Kepala Batas) ada kata seorang tiada beras. Kalau seorang tak ada, kita bagi belilah dulu beras takkan tidak boleh berjuang. Jangan kita salah guna kebebasan (bersuara) dan kuasa kita ini," katanya.

Mengulas mengenai Galeri Arkeologi Guar Kepah, Anwar berkata pembangunan berasaskan warisan dan arkeologi tidak bercanggah dengan agenda pertumbuhan ekonomi negara, malah berpotensi menjadi tarikan baharu dalam bidang penyelidikan, sejarah dan pelancongan jika diurus secara bijak.